

11 JUN 2003

Isa-VCD

POLIS NS RAMPAS LEBIH 30,000 VCD LUCAH DAN CETAK ROMPAK

SEREMBAN, 11 Jun (Bernama) -- Polis negeri ini berjaya merampas 29,049 keping cakera padat video (VCD) tanpa sijil "B" dan 1,011 VCD lucah sejak 18 September tahun lepas hingga semalam.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata dalam 135 serbuan yang dijalankan di seluruh negeri, polis turut berjaya menahan 44 penjual VCD haram itu.

"Mengikut laporan, setakat ini tidak ada kilang mencetak VCD cetak rompak dan lucah wujud di negeri ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini hari ini.

Beliau berkata polis akan terus menjalankan operasi dan serbuan bagi membanteras penjualan VCD cetak rompak dan lucah walaupun tempoh yang diberikan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai berakhir Ahad lepas.

Katanya operasi berterusan perlu dijalankan kerana penjual VCD haram itu akan muncul semula sekiranya pihak penguatkuasaan berhenti menjalankan operasi mereka.

"Walaupun kita tahu operasi dan serbuan yang dijalankan tidak 100 peratus berjaya membanteras kegiatan itu, sekurang-kurangnya ia dapat mencegah penjualan di tempat terbuka," katanya.

Mohamed Isa meminta semua majlis daerah dan pihak berkuasa tempatan (PBT) memantau kegiatan penjualan VCD haram itu. Orang ramai juga diminta memberi maklumat sekiranya mengetahui terdapat peniaga menjual VCD cetak rompak dan lucah di tempat mereka.

Mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya PBT tidak sewenang-wenangnya meluluskan projek perumahan bagi mengurangkan lambakan dalam industri hartanah, Mohamed Isa berkata seruan Perdana Menteri itu amat dialu-alukan.

Di Negeri Sembilan, katanya, tidak ada projek besar baru yang diluluskan, malah keperluan rumah kos rendah melebihi dari mencukupi.

-- BERNAMA

APG ROS